

19/08/1999

Dagangan terus ke wilayah Russia

Hafifi Hafidz in Khabarovsky

KHABAROVSKY, Rabu - Malaysia tidak mampu lagi mengadakan semua kerjasama perdagangannya dengan Russia menerusi Moscow, sebaliknya ia perlu dibuat secara terus dengan setiap wilayah atau republik di Persekutuan itu.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berharap kerjasama yang sudah dipupuk dengan Khabarovsky akan merintis jalan bagi Malaysia mengadakan lebih banyak kerjasama perdagangan dengan setiap wilayah di Russia.

"Kedudukan Russia amat luas. Kita tidak boleh lagi mengadakan semua hubungan dengan Russia hanya menerusi Moscow. Kita berpendapat Malaysia juga perlu mengadakan hubungan dengan wilayah lain yang sudah memiliki entiti ekonomi dan kegiatan perdagangan yang besar," katanya pada sidang akhbar mengakhiri lawatan tiga hari di wilayah Timur Jauh Russia.

Menjawab soalan wartawan tempatan di sini mengenai kerjasama dengan wilayah lain di Russia, Dr Mahathir berkata beliau akan kembali ke Persekutuan ini beberapa hari lagi untuk melawat Republik Buryatia.

Katanya, beliau akan berada di Ulan Ude, Jumaat ini bagi tujuan meningkatkan kerjasama dalam industri penerbangan khusus dalam menghasilkan pesawat kecil terutama helikopter.

Dr Mahathir dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, serta rombongan tiba di sini Ahad lalu akan melakukan lawatan kerja tiga hari di Buryatia selepas berada dua hari di China.

Perangkaan menunjukkan sejak 1994 hingga 1998, jumlah perdagangan Kuala Lumpur-Moscow lebih menguntungkan Russia. Pada 1988 jumlah import Malaysia dari Russia ialah AS\$149.1 juta (RM566.58 juta), manakala eksport hanya AS\$86.3 juta (RM327.94 juta).

Dr Mahathir berkata, sejak pertama kali bertemu dengan Gabenor Wilayah Khabarovsky, Victor I Ishaer, beliau berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai negara itu dan kagum dengan pembangunan yang dicapai selepas melawatnya.

"Sebelum ini tidak ada hubungan langsung antara Malaysia dan Khabarovsky. Hasil lawatan ini, secara khusus kita sangat berminat untuk mengadakan kerjasama industri penerbangan dan perkapalan. Pesawat Sukhoi yang mereka hasilkan sangat canggih," katanya pada sidang akhbar yang turut dihadiri Ishaer.

Perdana Menteri melahirkan keyakinan kerjasama dan kegiatan perdagangan kedua-dua negara dapat dipertingkatkan jika masalah pengangkutan dapat diatasi.

Beliau memberi jaminan kepada Ishaer untuk membincangkan bagaimana kerjasama itu dapat dipertingkatkan dan mengatasi masalah pengangkutan itu dalam mesyuarat menteri Kabinetnya.

Perdana Menteri menambah, banyak barangan Malaysia boleh dipasarkan di sini dan pada masa sama produk Khabarovsky juga mampu memasuki pasaran Malaysia.

"Saya lihat banyak buah-buahan yang dijual di sini diimport dari Morocco (Maghribi) dan Sepanyol. Malaysia mempunyai banyak produk dan hasil untuk pasaran yang sudah tersedia di Khabarovsky. Masalah kos pengangkutan perlu diatasi," katanya.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan perkhidmatan udara Malaysia-Khabarovsk diadakan kerana ketika ini syarikat penerbangan di sini beroperasi ke Thailand dan Singapura.

"Kita boleh bermula dengan perkhidmatan sewa tempah sebelum penerbangan

berjadual diadakan," katanya.

November lalu, Kuala Lumpur-Khabarovsky menandatangani perjanjian memansuhkan keperluan visa untuk rakyat negara Timur Jauh Russia itu datang ke Malaysia. Mereka dibenarkan tinggal di Malaysia satu bulan tanpa dokumen perjalanan itu.

"Kita sangat mengalu-alukan kedatangan lebih ramai rakyat Khabarovsky. Disebabkan Malaysia tidak dikenali ramai rakyat negara ini, kita sedang menimbang untuk mengadakan kempen promosi termasuk membuka pusat perdagangan di sini untuk meningkatkan pelancongan," katanya.

Dr Mahathir yang gembira dengan lawatan itu menyifatkan Khabarovsky sebagai negara baru dan memiliki generasi muda yang sangat ramai.

(END)